

Bil. S 3

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3) dan (5))

**PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2018/2019) (BIL. 3), 2024**

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 16/2022) bertarikh 29 haribulan Ogos 2022 telah mengisyiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuat kuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan mana-mana Perintah sedemikian, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh bab 10(3) dari Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan) bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, jika Baginda berpuas hati bahawa suatu keperluan yang segera dan tidak diduga telah timbul bagi perbelanjaan yang tidak ada dalam peruntukan lain dan wang tidak dapat diadakan di bawah bab 13(4) dari Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan), membuat pinjaman dari Kumpulanwang Luarjangka untuk memenuhi keperluan itu.

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang sebanyak empat bilion, enam ratus juta ringgit (\$4,600,000,000.00) telah diperuntukkan oleh Akta Perbekalan (2018/2019), 2018 (Akta 1 tahun 2018).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang sebanyak tiga ratus empat belas juta, enam ratus tiga puluh lapan ribu, enam ratus tiga puluh sembilan ringgit dan tujuh puluh lapan sen (\$314,638,639.78) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2018/2019) (Bil. 1), 2019 (S 13/2019).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang sebanyak sepuluh juta, sembilan ratus satu ribu, enam ratus satu ringgit (\$10,901,601.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2018/2019) (Bil. 2), 2019 (S 14/2019).

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak tiga puluh tujuh juta, lapan ratus dua puluh tiga ribu, dua ratus tujuh puluh ringgit dan lapan puluh dua sen (\$37,823,270.82).

OLEH YANG DEMIKIAN, MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlengkapan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

#### Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2018/2019) (Bil. 3), 2024.

**Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2018/2019, peruntukan dan penggantian jumlah wang yang dipinjamkan dari Kumpulanwang Luarjangka**

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi tiga puluh tujuh juta, lapan ratus dua puluh tiga ribu, dua ratus tujuh puluh ringgit dan lapan puluh dua sen (\$37,823,270.82) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual bagi tahun 2018/2019, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan (2018/2019), 2018 (Akta 1 tahun 2018), Perintah Perbekalan Tambahan (2018/2019) (Bil. 1), 2019 (S 13/2019) dan Perintah Perbekalan Tambahan (2018/2019) (Bil. 2), 2019 (S 14/2019), adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Bagi maksud-maksud ceraian (1), jumlah wang yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual adalah diperuntukkan bagi tajuk perbelanjaan yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual.

(3) Penggantian jumlah wang tersebut dengan jumlah wang yang dinyatakan dalam ruang keempat Jadual, yang merupakan jumlah wang yang dipinjamkan dari Kumpulanwang Luarjangka, adalah dengan ini dibenarkan.

**JADUAL**

<i>Tajuk perbelanjaan</i>	<i>Gelaran</i>	<i>Jumlah wang yang diperuntukkan</i>	<i>Pinjaman dari Kumpulanwang Luarjangka</i>
<b>JABATAN PERDANA MENTERI</b>			
SA08A	Radio Televisyen Brunei	\$784,265.00	\$784,265.00
<b>KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN</b>			
SC01A	Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan	\$384,190.82	\$384,190.82
<b>KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI</b>			
SD09A	Perkhidmatan Rampaihan	\$15,090,255.00	\$15,090,255.00
<b>KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN</b>			
SH04A	Jabatan Pertanian dan Agrimakanan	\$7,071,200.00	\$7,071,200.00
<b>KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA</b>			
SJ01A	Kementerian Hal Ehwal Ugama	\$1,390,000.00	\$1,390,000.00
<b>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN</b>			
SK01A	Kementerian Pembangunan	\$111,000.00	\$111,000.00
SK03A	Jabatan Kerja Raya	\$4,728,235.00	\$4,728,235.00
<b>KEMENTERIAN KESIHATAN</b>			
SM01A	Kementerian Kesihatan	\$7,264,125.00	\$7,264,125.00

**KEMENTERIAN TENAGA  
(TENAGA DAN TENAGA  
MANUSIA) DAN  
PERINDUSTRIAN**

SA24A	Jabatan Perkhidmatan Elektrik	\$1,000,000.00	\$1,000,000.00
		<hr/> <hr/> \$37,823,270.82	<hr/> <hr/> \$37,823,270.82

Diperbuat pada hari ini 11 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1445 bersamaan dengan 23 haribulan Januari, 2024 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**